

## Mauritius jalin kerjasama dengan Angkasa

PETALING JAYA - Mauritius menyasarkan untuk meningkatkan import makanannya dan industri berkaitan yang lain susulan kerjasama antara Kementerian Perniagaan, Perusahaan dan Koperasinya dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa).

Menteri Perniagaan, Perusahaan dan Koperas-

inya, Soomilduth Bholah berkata, pihaknya turut berharap industri perikanan dan pelancongan negara itu dapat dipertingkatkan melalui bantuan yang akan diberikan oleh Angkasa.

"Ia termasuk dari aspek latihan dan pembangu-



nan perniagaan, selain peluang yang akan kami peroleh daripada platform organisasi berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menemui Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah di sini semalam.

Bholah berkata, republik berkenaan mengimport pelbagai produk makanan dari Malaysia termasuk biskut, jus dan makanan kering.

"Mauritius mempunyai 1,200 koperasi yang beroperasi di seluruh negara dan turut merancang untuk mewujudkan sebuah kolej koperasi," kata beliau.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia